

| | | | |
|-------------|---|------------|-----------------|
| Headline | Kajian menyeluruh sebelum baik pulih cerun runtuh | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 18 Feb 2024 | Language | Malay |
| Circulation | 140,000 | Readership | 420,000 |
| Section | Nasional | Page No | 31 |
| ArticleSize | 337 cm ² | Journalist | NIK AMIRULMUMIN |
| PR Value | RM 21,432 | | |
| | | | |



JKR kini dalam fasa penilaian tanah di KOA Sungai Ruil

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN CAMERON HIGHLANDS

Kajian menyeluruh sebelum baik pulih cerun runtuh

Kajian menyeluruh perlu dilakukan sebelum kerja-kerja pembaikan cerun runtuh di penempatan Kampung Orang Asli (KOA) Sungai Ruil di sini dapat dimulakan.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, ketika ini Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam proses penilaian terhadap pergerakan tanah di lokasi kejadian serta kawasan berhampiran.

Menurutnya, JKR telah memberi komitmen kerja-kerja penilaian tanah akan disegerakan agar kerja-kerja pembaikan cerun dapat dimulakan.

"Kita jangkakan kerja-kerja pembaikan cerun ini akan mengambil masa lebih setahun dengan kos RM3.5 juta.

"Seramai 89 mangsa daripada 16 keluarga terjejas yang sebelum ini ditempatkan secara sementara di Dewan Komuniti Sungai Ruil telah dipindahkan ke kuarters Tenaga Nasional Berhad (TNB)," katanya.

Rubiah berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada program ramah mesra bersama penduduk Kampung Orang Asli Sungai Ruil dekat sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, menurut Rubiah, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) akan menanggung sepenuhnya bayaran sewaan kuarters TNB yang menempatkan mangsa-mangsa terjejas bagi tempoh dua tahun.

Tambahnya, setakat ini tiada cadangan pembinaan rumah baharu bagi menggantikan rumah-rumah mangsa yang mengalami kerosakan.

"Kita hanya akan baik pulih rumah yang terjejas kerana dalam kejadian 12 Oktober lalu, tidak semua rumah mengalami kerosakan.

"Isunya kerana kejadian berlaku di kawasan penempatan di lereng bukit, justeru bila berlaku kejadian cerun runtuh ini, penduduk terlibat terpaksa dipindahkan atas faktor keselamatan," katanya.



Rubiah (depan, tengah) hadir pada program ramah mesra bersama penduduk Kampung Orang Asli Sungai Ruil pada Sabtu.